

Bank Negara sangkal Ahmad Maslan, enggan terlibat politik
The Malaysian Insider
Jun 19, 2015

Bank Negara Malaysia (BNM) menegaskan situasi ringgit Malaysia sekarang adalah disebabkan kesan pembangunan ekonomi global dan domestik, menyangkal dakwaan menuduh kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai antara faktor matawang itu susut.

Dalam satu kenyataan, BNM menegaskan ia neutral politik dan "tidak akan terlibat dengan agenda politik".

"Perkembangan global termasuklah jangkaan pelabur berkaitan polisi kewangan bank utama dan kecenderungan trend harga minyak mentah dan gas.

"Faktor domestik termasuk kebimbangan entiti berkaitan kerajaan dan isu membabitkan rating," kata BNM, dalam satu kenyataan.

BNM berkata, ketidaktentuan dalam beberapa isu tersebut menyumbang kepada kedudukan kewangan negara.

"Faktor luaran di luar kawalan mana-mana ekonomi pasaran terbuka, usaha perlu digembleng untuk menyelesaikan isu domestik yang melibatkan ekonomi kita.

"Sebaik sahaja isu ini diselesaikan, prestasi matawang dijangka konsisten dengan prinsip asas ekonomi dan prospek perkembangannya," katanya.

Kenyataan bertajuk "Salah Laporkan terhadap Ringgit" itu dilihat mengkritik dakwaan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan yang mendakwa BNM menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai tiga faktor utama penurunan nilai ringgit.

Ringgit berada di kedudukan lemah berbanding dolar AS dengan 1.29% didagangkan pada 3.7090 semalam. Sehingga hari ini, ringgit semakin lemah dengan penyusutan sebanyak 6.08%.

BNM berkata, ia akan kekal fokus dengan peranannya mengekalkan kestabilan kewangan bagi menyokong kestabilan ekonomi. – 19 Jun, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bank-negara-sangkal-ahmad-maslan-enggan-terlibat-politik#sthash.ntkeWOBM.dpbs>